

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 FEBRUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 17

Projek ECRL tak babit nyah warta hutan simpan

Projek ECRL tak babit nyah warta hutan simpan



MRL sudah dapat kebenaran untuk permit izin lalu mudahkan kerja pembinaan

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Pembukaan tanah untuk Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di Selangor tidak membabitkan penyalwartaan hutan simpan, termasuk kawasan di Taman Negeri Selangor.

Pemilik projek berkenaan, Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), berkata pihaknya sudah memperoleh kebenaran daripada Jabatan Perhutanan untuk permit izin lalu (right-of-way permit) untuk memudahkan kerja awal pembinaan ECRL.

Pembalakan haram dikesan di 4 lokasi
Inter sejarah pembukaan penggarisan dan sempadan Taman Negara Selangor
Keratan akhbar BH
3 Februari 2023

MRL dalam kenyataan berkata, permit itu bertujuan membolehkan kontraktor projek berkenaan memasuki kawasan hutan simpan bagi menjalankan aktiviti berlesen yang berkaitan ECRL.

"Bagi memelihara alam sekitar, projek ECRL sudah mematuhi garis panduan dan syarat, termasuk Penilaian Impak Alam Sekitar (ELA), Pelan Pengurusan Alam Sekitar dan Pelan Kawalan Hakisan dan Endapan, yang masing-masing dilakukan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)," katanya.

MRL menyebut pihaknya maklum dengan keimbangan disua-

rakan sebuah pertubuhan bukan kerajaan mengenai pembukaan tanah untuk projek ECRL di Selangor.

Katanya, sebagai pemilik projek dengan China Communications Construction (ECRL) Sdn Bhd (CCC-ECRL), yang menjadi kontraktor utama, ia sentiasa komited memenuhi semua keperluan dan peraturan ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri untuk memelihara alam sekitar dan mengajak kepentingan orang awam.

Dituduhkan dengan pelbagai

MRL berkata, pihaknya bekerja rapat dengan pihak berkuasa dan agensi kerajaan di semua peringkat membabitkan projek yang berjalan di Selangor, termasuk Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Selangor, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, JAS dan pihak berkuasa tempatan.

"Kerja pembinaan ECRL untuk Seksyen C2 ECRL (bagi jajaran Gombak-Serendah-Pelabuhan Klang yang secara keseluruhan

nya terletak di Selangor, dijalankan dengan teliti di bawah rundingan bersama komuniti tempatan dan pihak berkepentingan, serta mematuhi peraturan yang ditetapkan," katanya.

Kenyataan itu menyebut, kelulusan Skim Kereta Api ECRL bagi Seksyen C2 diberikan oleh Kementerian Pengangkutan kepada MRL pada 14 Januari 2022 selepas pemeriksaan awam selama tiga bulan dijalankan mengikut peruntukan undang-undang Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

Katanya, laporan EIA, yang diwajibkan bawah Akta Kualiti Alam Sekilling 1974, sudah diserah kepada JAS pada 30 November 2021 dan mendapat kelulusan pada 20 Disember 2021.

"Pada 14 September 2022, kami mendapat kelulusan dari pada Kerajaan Selangor untuk meneruskan pembinaan projek ECRL bagi jajaran rel Seksyen C2 di Selangor," katanya.

MRL berkata, pihaknya serta CCC-ECRL turut mengambil pen-

dekanan proaktif dengan mengadakan mesyuarat dan sesi libat urus dengan semua pihak berkepentingan projek ECRL.

Katanya, sesi berkenaan turut membabitkan penduduk yang tinggal berhampiran tapak kerja ECRL, bertujuan memastikan suara daripada pihak terjejas dan penting orang awam diperimbangkan sepenuhnya.

"MRL dan CCC-ECRL mengalumakan pandangan dan maklum balas daripada pihak berkepentingan projek ECRL serta terbuka untuk mengadakan sesi libat urus dengan pelbagai pihak jika perlu.

"Sebarang cadangan boleh diajukan ke alamat e-mel feedback@mrl.com.my," katanya.

BH sebelum ini melaporkan, sebuah NGO, Rimba Disclosure Project (RDP), mendedahkan berlaku pembalakan haram di empat kawasan di sekitar Hutan Simpan Hulu Gombak dan Serendah, kira-kira akhir tahun lalu dan awal bulan ini, dikatakan berkaitan dengan projek ECRL.